

SULIT



Peperiksaan Semester Pertama
Sidang Akademik 2019/2020

Disember 2019 / Januari 2020

HIT512 - Analisis Kritis Matan Hadith

Masa : 3 jam

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi EMPAT (4) muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab **TIGA** (3) soalan sahaja. Jawab **SATU** (1) soalan daripada setiap bahagian A, B dan C. Jika calon menjawab lebih daripada TIGA (3) soalan hanya TIGA (3) soalan pertama sahaja mengikut susunan dalam skrip jawapan akan diberi markah.

- 2 -

Bahagian A

1. Daripada Abu Hurairah RA: Rasulullah SAW bersabda: "Allah menciptakan tanah pada hari Sabtu, mencipta gunung-ganang pada hari Ahad, mencipta pokok-pokok pada hari Isnin, mencipta perkara yang buruk pada hari Selasa, mencipta cahaya pada hari Rabu, menyebarkan haiwan pada hari Khamis, mencipta Adam selepas Asar pada hari Jumaat..." (HR Muslim)
 - [a] Huraikan kritik *sanad* dan *matan* yang diamalkan oleh ulama yang menilai hadith ini sebagai lemah.
[50 markah]
 - [b] Kenalpasti justifikasi Imam Muslim meriwayatkan hadith ini dalam kitab *Sahihnya*.
[50 markah]
2. Daripada Anas bin Malik RA: Seorang lelaki berkata: "Wahai Rasulullah, di manakah ayahku?" Baginda menjawab: "Di neraka." Apabila orang itu hendak beredar, baginda memanggilnya dan bersabda: "Sesungguhnya ayahmu dan ayahku berada di neraka." (HR Muslim)
 - [a] Bandingkan perbezaan pandangan ulama hadith dalam melakukan analisis kritikan terhadap kandungan *matan* hadith ini.
[50 markah]
 - [b] Huraikan LIMA kaedah yang diamalkan ulama hadith dalam mengharmonikan *matan* hadith yang kelihatan bercanggah dengan al-Qur'an berserta contoh hadith yang munasabah.
[50 markah]

- 3 -

Bahagian B

3. Jawab [a] dan [b].

- [a] Huraikan manhaj ulama hadith dalam mengkritik *matan* hadith dari sudut *mujazafah* dan *rakakah al-lafz* sebagai ciri hadith palsu dengan mengemukakan contoh-contoh hadith.

[50 markah]

- [b] Hubungkaitkan *tafarrud al-matn* dengan *al-shadh* dan *ziyadah al-thiqah* dengan mengemukakan contoh-contoh hadith.

[50 markah]

4. Jawab [a] dan [b].

- [a] Huraikan manhaj ulama hadith dalam mengkritik pertembungan kefahaman *matan* hadith yang disebabkan oleh *al-idraj* dan *al-idtirab*.

[50 markah]

- [b] Kenalpasti kepentingan mengenali *al-tashif* dan *al-nasikh wa al-mansukh* yang berlaku pada *matan* hadith bagi mengelakkan kekeliruan dalam memahami hadith.

[50 markah]

Bahagian C

5. Hadith yang telah dinilai sebagai diterima masih menimbulkan persoalan dan keraguan sesetengah pihak serta memerlukan penjelasan ulama hadith.

- [a] Kenalpasti bentuk-bentuk huraian *matan* hadith yang bercanggah dengan *ijma'*.

[50 markah]

...4/-

- 4 -

- [b] Huraikan jawapan untuk menolak keraguan tentang hadith perkahwinan 'Aishah RA yang diriwayatkan dalam *Sahih al-Bukhari* dan hadith lalat yang diriwayatkan dalam *al-Sahihayn*.

[50 markah]

6. Jawab [a] dan [b].

- [a] Bandingkan pandangan Ignaz Goldziher dan Maurice Bucaille dalam mengkritik *matan* hadith.

[50 markah]

- [b] Huraikan kaedah-kaedah pentafsiran *matan* hadith.

[50 markah]

- oooOooo -